

ETR 300

‘ SRI KEBAB ENTERPRISE ’

DI SEDIAKAN OLEH:


MOHD FADYLISHAM MOHD HADI
96146554

AHMAD RAZIF HJ ISNIN
96892526

FAZRIL HEZRI MOHD RAMLY
96145789

HEZRY HJ ROKMAN
96597150

NOR AZWA BT AB MUTALIP
96952799



Tarikh: 9hb. Julai 1999
Surat Tuan:
Surat Kami: 100-CM(AKA 37/B)

Km 26, Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah Melaka
Tel No: 06-565241, 565341, 565342, 565770, 565771
Telefax: 06-563963

06-5591067

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan,

Sukacita dimaklumkan bahawa pelajar-pelajar yang tersenarai namanya di bawah adalah pelajar Kursus Sarjana Muda Seni Lukis dan Seni Reka. di Institut Teknologi MARA, Melaka. Mereka telah ditugaskan untuk membuat penyelidikan sebagai memenuhi syarat matapelajaran ETR 300 Asas Keusahawanan


Bil.	Nama Pelajar	No. ITM
1.	Mohd Fadylisham Mohd Hadi	96146554
2.	Ahmad Razif Isnin	96892526
3.	Hezry Hj. Rokman	96597150
4.	Fazril Hezri Mohd Ramly	96145789
5.	Nor Azwa Ab. Mutalip	96952799

Sukacita saya sekiranya dapat tuan membantu mereka dengan maklumat-maklumat yang berkaitan untuk menjayakan projek kajian mereka. Segala maklumat yang diperolehi akan digunakan semata-mata untuk tujuan akademik dan tidak akan disebarikan kepada umum.

Kerjasama tuan saya dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,


SHAHRUL AZMAN SHAHBUDIN
Ketua Kursus
Seni Reka Grafik
ITM Melaka.
b/p Provos

Ijazah Sarjana Muda Seni Lukis dan Seni Reka,
Bahagian 06,
Universiti Teknologi Mara Malaysia,
Cawangan Melaka,
78000 Alor Gajah,
Melaka.

Tuan Hj. Nasir Nordin,
Pensyarah Asas Keusahawanan [ETR 300],
Universiti Teknologi Mara Melaka,
Cawangan Melaka,
78000 Alor Gajah ,
Melaka.
OKTOBER 1999

Tuan,

Penyerahan Laporan Rancangan Perniagaan ETR 300.

Merujuk kepada perkara di atas, kami dengan ini menyerahkan Laporan Rancangan Perniagaan [ETR 300] kepada pihak tuan sebagai memenuhi keperluan tugas yang telah diberikan kepada kami untuk matapelajaran ETR 300. Perniagaan yang kami jalankan adalah kebab dan nama syarikat kami adalah SRI KEBAB.


2. Rancangan perniagaan ini mengandungi maklumat- maklumat mengenai rancangan – rancangan pentadbiran, operasi, pemasaran dan kewangan. Di samping itu, kami juga menyertakan laporan- laporan serta dokumen – dokumen yang perlu bagi rancangan perniagaan ini.
3. Sesungguhnya, kami telah berusaha keras membuat kajian dalam menyediakan Laporan Rancangan Perniagaan ini dan telah banyak ilmu serta pengalaman yang telah kami perolehi sepanjang perjalanan menyiapkan laporan perniagaan ini. Di samping itu, kami juga telah dapat mengenal pasti masalah serta risiko dalam memulakan dan menjalankan sesuatu perniagaan. Sungguhnya pengalaman

seumpama ini amat bermakna buat kami dalam mengharungi cabaran akan datang.


4. Oleh yang demikian, dengan ini kami menyerahkan laporan rancangan perniagaan ini dan bersedia memberi maklumat tambahan sekiranya diperlukan. Kami sangat berharap agar pihak tuan akan berpuas hati dengan persembahan kami ini dan kerjasama pihak tuan sangatlah dihargai.

SEKIAN, TERIMA KASIH.

Yang menjalankan tugas,




MOHD FADYLISHAM
(Pengurus Besar)



NOR AZWA AB. MUTALIP
(Pengurus Pentadbiran)



HEZRI H. ROKMAN
(Pengurus Operasi)



FAZRIL HEZRI MOHD. RAMLY
(Pengurus Pemasaran)



AHMAD RAZIF HJ. ISNIN
(Pengurus Kewangan)

Pengenalan.

SRI KEBAB ENTERPRISE adalah sebuah syarikat yang mengeluarkan dan menjual kebab. SYARIKAT ini merupakan sebuah syarikat perkongsian yang dimiliki sepenuhnya oleh Bumiputera. SRI KEBAB mengkhususkan penjualan pelbagai jenis kebab pelbagai perisa antaranya kebab ayam dan kebab daging. Pemilihan untuk membuka SRI KEBAB adalah berdasarkan hasil kajian dan penyelidikan terhadap penjualan makanan segera yang begitu mendapat perhatian penggemar makanan segera. Ini disebabkan masyarakat Malaysia dewasa kini lebih suka memilih untuk memakan makanan segera kerana ianya mudah dan cepat untuk disediakan berdasarkan di atas kemajuan masyarakat Malaysia masa kini. Oleh itu kami memilih untuk membuka sebuah kedai kebab berdasarkan di atas saingannya yang masih kurang.

Kami mendapati perniagaan kebab ini mempunyai potensi besar untuk berkembang pesat dan berjaya berdasarkan kepada faktor lokasinya yang strategik dan terletak di tengah-tengah bandar Shah Alam yang mana ianya menjadi tumpuan orang ramai di samping kemudahan infrastruktur yang lengkap dan serba moden.

Syarikat kami akan memulakan perniagaan pada 1 Januari 2006 bertempat di Kota Franchais Shah Alam Malaysia Sdn. Bhd., 3rd floor Business Centre, 40000 Shah Alam, Selangor. Kelebihan SRI KEBAB adalah berdasarkan lokasi perniagaan yang terletak berhampiran lokasi orang ramai berkunjung antaranya Kompleks PKNS, Muzium Shah Alam, Wisma MPSA, Taman Tasik Shah Alam, Stadium Shah Alam, Litar lumba Shah Alam dan sebagainya. Perniagaan SRI KEBAB berbekalkan modal sebanyak RM 90,000 dan mempunyai 6 orang pekerja tetap di bawah pengurusan operasi yang menguruskan penjualan kebab..